

PROGRAM TOYOTA '24SEVEN ROAD ASSIST'

Di Toyota, kami sentiasa memenuhi keperluan anda. Oleh yang demikian kami menyediakan perkhidmatan 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Kami bersedia memberikan anda perkhidmatan terbaik pada setiap masa apabila anda menghubungi Talian Bebas Toyota '24SEVEN Road Assist' di 1-800-888-247 atau 1800-822-247. Dengan liputan di seluruh Negara, kami akan memberikan bantuan segera kepada Toyota anda untuk memastikan perjalanan anda lancar dan selamat.

APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN JIKA KENDERAAN ANDA ROSAK?

Jangan panik. Hanya ikuti langkah-langkah di bawah dan bantuan akan tiba.

Langkah 1

Hubungi Toyota '24SEVEN Road Assist' di talian bebas tol 1-800-822-247 atau 1-800-822-247.



Langkah 2

Maklumkan kepada pegawai khidmat pelanggan di pusat panggilan '24SEVEN'

- Nama anda
- No.telefon yang sedang dipakai
- No.pendaftaran kenderaan
- Model kenderaan
- Lokasi
- Jenis kerosakan



Langkah 3

Pegawai khidmat pelanggan Toyota '24SEVEN ROAD ASSIST' akan menghubungi anda semula untuk memaklumkan nama pegawai perkhidmatan 24SEVEN, nombor telefon dan nombor pendaftaran trak penunda yang dibawa.



Langkah 4

Tunggu sehingga pegawai perkhidmatan 24SEVEN ROAD ASSIST tiba, dan jika anda ditanya atau dihampiri oleh syarikat perkhidmatan penunda yang lain, maklumkan kepada mereka bahawa pegawai perkhidmatan Toyota 24Seven Road Assist dalam perjalanan untuk membantu anda.



Langkah 5

Jika kenderaan anda perlu ditunda, semak dahulu butiran senarai khidmat tunda dengan pegawai perkhidmatan 24Seven Road Assist.



APA YANG PERLU ANDA BUAT JIKA BERLAKU KEMALANGAN?

Tenangkan diri. Hanya ikuti langkah-langkah di bawah.

Langkah 1 Jika berlaku kecederaan, sila hubungi talian 999 untuk bantuan kecemasan.



Langkah 2 Catatkan butiran berikut:

- Masa dan lokasi kemalangan .
- Nama, alamat, nombor telefon, nombor lesen memandu, cukai jalan kenderaan dan nombor pendaftaran semua yang terlibat.
- Syarikat insurans dan nombor polisi pihak ketiga.
- Butir - butir sebarang saksi (jika ada).



Langkah 3 Sebelum kehadiran pihak berkuasa, jangan alihkan kenderaan kecuali kerosakan kecil atau ianya mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.



Langkah 4 Jika anda mempunyai kamera, rakam gambar kemalangan dan kerosakan kenderaan.



Langkah 5 Jika kenderaan anda masih boleh dipandu , pandulah ke balai polis berhampiran untuk mendapat bantuan kemalangan. Dapatkan alamat balai polis dengan menghubungi Talian Bebas Toyota '24SEVEN Road Assist' di 1-800-822-247.



Langkah 6 Jika kenderaan anda tidak boleh dipandu, hubungi Toyota '24SEVEN Road Assist' untuk perkhidmatan penundaan. Kenderaan anda akan ditunda ke balai polis yang terdekat untuk membuat laporan dan kemudian ke Pusat Servis Toyota pilihan anda.








Langkah 7 Periksa caj penundaan dan kerosakan lain yang boleh diberi pampasan insuran melalui pegawai yang bertanggungjawab memproses tuntutan insurans di Pusat Servis Toyota.



APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN JIKA KENDERAAN ANDA DIPECAH MASUK, ATAU TERDAPAT TANDA KECURIAN CUBA DILAKUKAN?

Bertenang. Ikuti langkah-langkah di bawah.

- Langkah 1** Hubungi 999 untuk menghubungi pihak polis. 
- Langkah 2** Jangan alih atau sentuh kenderaan anda kerana ia perlu diperiksa oleh anggota polis terlebih dahulu. 
- Langkah 3** Membuat laporan polis. 
- Langkah 4** Jika kenderaan anda tidak boleh dipandu, hubungi Toyota '24SEVEN Road Assist' untuk perkhidmatan penundaan. Kenderaan anda akan ditunda ke Pusat Servis Toyota pilihan anda. 
- Langkah 5** Periksa caj penundaan dan kerosakan lain yang boleh diberi pampasan insuran melalui pegawai yang bertanggungjawab memproses tuntutan insurans di Pusat Servis Toyota. 

PENTING

Baca dan pahami dengan teliti sebelum menandatangani sebarang dokumen yang diberi kepada anda oleh pihak pengendali syarikat tunda. Jangan membuat sebarang persetujuan dengan mana-mana bengkel. Dapatkan maklumat dengan pusat servis toyota terlebih dahulu. Anda tidak sama sekali terikat dengan mana-mana bengkel servis kenderaan.

HAK ANDA SEBAGAI PEMILIK KENDERAAN TOYOTA BERKAITAN DENGAN SERVIS MEMBAIKI KENDERAAN

Jangan berkompromi. Segala perkhidmatan membaik pulih kenderaan anda hanya dibuat di Pusat Servis Toyota yang sah. Menghantar ke tempat lain yang kebiasaannya menggunakan alat ganti tiruan, tenaga kerja tidak mahir dan kerja mengecat yang kurang berkualiti. Walaupun secara kasar anda mungkin tidak dapat melihat perbezaannya, namun anda akan dapat menanggung kesannya di masa hadapan. Secara tidak langsung anda juga telah mengganggu jaminan kenderaan anda kerana ianya hanya sah digunapakai untuk alat ganti tulen Toyota dan prosedur dalam perkhidmatan membaik pulih.

CARA MEMILIKI KEAHLIAN PROGRAM TOYOTA '24SEVEN ROAD ASSIST'

Anda akan menjadi ahli program Toyota '24SEVEN Road Assist' secara automatik apabila anda membeli kenderaan daripada UMW Toyota Motor, Pusat Jualan Toyota ataupun TopMark. Oleh itu, anda akan diberikan keahlian percuma seperti berikut:

KENDERAAN YANG DIBELI	DIINSURANS DENGAN PANEL INSURANS TOYOTA	TIDAK DIINSURANS DENGAN PANEL INSURANS TOYOTA
Toyota Baru	Percuma keahlian 'Istimewa' 1 tahun	Percuma keahlian 'Biasa' 1 tahun
Toyota Pramilik Berkualiti daripada TopMark	Percuma keahlian 'Istimewa' 1 tahun	Percuma keahlian 'Biasa' 1 tahun

Kemudian, anda akan diberikan keahlian percuma "istimewa" setiap kali anda memperbaharui Polisi motor insurans anda dengan Pusat Jualan Toyota atau salah satu panel insurans kami.

Keahlian hanya sah jika polisi insurans kenderaan diperbaharui di Pusat Jualan Toyota.

Untuk makluman, keahlian program Toyota 24Seven Road assist hanya diberikan percuma kepada kenderaan milik perseorangan dan syarikat.

Semua pelanggan dengan keahlian Merit akan menerima keahlian 'Istimewa' Toyota 24SEVEN percuma secara automatik.

Keahlian tidak akan diberikan secara percuma dengan setiap pembelian kenderaan yang didaftarkan di bawah Syarikat Komersial.

Panel Insurans kami adalah:

- **MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**
- **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**
- **Etiqa Insurance Berhad**
- **Etiqa Takaful Berhad**

Sebagai langkah alternatif, anda boleh mendapatkan keahlian biasa 1 tahun dengan membuat bayaran berikut di mana-mana Pusat Jualan atau Servis Toyota:

JENIS PENDAFTARAN KENDERAAN	BAYARAN KEAHLIAN BIASA
Kenderaan Milik Perseorangan / Milik Syarikat	RM 7.00
Kenderaan Syarikat Komersial	RM 13.00

KELEBIHAN-KELEBIHAN KEAHLIAN

Sebagai ahli Program Toyota '24SEVEN Road Assist', anda boleh menikmati kelebihan-kelebihan berikut:

KEAHLIAN BIASA

- Bantuan kerosakan 24 jam
- Nilai sebanyak RM250 bagi setiap kali servis membaiki kerosakan kecil di lokasi dan menunda. (maksimum 6 kali dalam tempoh 12 bulan yang sah).
- Servis kerosakan dilokasi:
 - i. Servis 'jump start' (Sila tukar Bateri Tulen Toyota di Pusat Servis Toyota).
 - ii. Penukaran tayar.
 - iii. Pengisian minyak (kos minyak di bawah tanggungan anda).
- Bantuan untuk kes kemalangan.
- Servis-servis lain (dengan semua kos servis di bawah tanggungan anda):

a. **Menyampaikan maklumat semasa kecemasan**

Jika berlaku kecemasan, kami akan membantu anda untuk memaklumkan kepada keluarga terdekat anda.

b. **Bantuan rawatan susulan**

Jika berlaku kemalangan yang memerlukan bantuan rawatan kemalangan, kami akan menyediakan anda maklumat mengenai doctor, doctor pergigian dan institusi kesihatan.

c. **Menguruskan penginapan hotel**

Jika kenderaan anda tidak boleh meneruskan perjalanan , kami akan membantu anda mendapatkan kemudahan hotel untuk tujuan penginapan. Kami akan membantu menguruskan penginapan hotel untuk anda.

d. **Bantuan perjalanan alternatif**

Jika kenderaan anda masih belum siap diperbaiki dan ianya melewati jadual perjalanan anda, kami akan menguruskan pengangkutan untuk anda.

e. **Nasihat guaman***

Jika berlaku pertuduhan terhadap anda oleh pihak ketiga berkaitan sesuatu kemalangan yang menimpa anda, kami akan sedaya upaya membantu anda mendapatkan nasihat guaman.

f. **Perkhidmatan terjemahan***

Kami akan sedaya upaya menyediakan perkhidmatan penterjemah seperti yang anda perlukan semasa kemalangan atau kerosakan

* Perkhidmatan hanya disediakan pada masa pejabat sahaja.

KELEBIHAN-KELEBIHAN KEAHLIAN 'ISTIMEWA'

KEAHLIAN 'ISTIMEWA'

Sebagai tambahan kepada semua di atas, pemegang keahlian 'Istimewa' akan menikmati servis percuma bernilai sebanyak RM400 bagi setiap servis membaiki kerosakan kecil di lokasi dan menunda (maksimum 6 kali dalam tempoh 12 bulan yang sah) dan perkhidmatan lain seperti berikut:

Servis bantuan di kediaman (berdasarkan asas rujukan):

a. **Servis paip ('plumbing')**

Kami boleh menguruskan perkhidmatan tukang paip untuk membantu anda menyelenggara kerosakan paip.

b. **Pendawaian elektrik**

Jika berlaku sebarang pendawaian elektrik atau kegagalan peralatan, kami boleh menguruskan perkhidmatan juruelektrik untuk membantu anda.

c. **Servis penghawa dingin**

Kami boleh menguruskan servis perkhidmatan membaiki penghawa dingin di kediaman anda.

d. **Mencuci karpét dan membaik pulih perabot**

Kami boleh menyediakan perkhidmatan pakar untuk membantu anda membersihkan karpét dan membaik pulih perabot di kediaman anda.

e. **Membaiki bumbung rumah**

Kami boleh menghantar pakar untuk menyelenggarakan kebocoran dan membaiki bumbung yang rosak.

**Keahlian "Istimewa" adalah terhad kepada orang perseorangan dan kereta milik Syarikat.*

KADAR CAJ SERVIS KEROSAKAN

Program Toyota '24Seven Road Assist' keahlian 'Biasa' menyediakan anda servis percuma sebanyak RM250 bagi servis membaiki kerosakan kecil di lokasi dan menunda, sementara keahlian 'Istimewa' Sakan menikmati servis yang sama sebanyak RM400. Untuk sebarang kemudahan yang melebihi kelebihan tersebut, caj-caj servis tambahan akan dikenakan mengikut mengikut jadual yang tertera di bawah:

SERVIS YANG TERLIBAT	ZON BEBAS KEROSAKAN DAN LOKASI-LOKASI LAIN
Caj Panggilan Siang/ (Malam)	Servis menunda dan perkhidmatan kecil: Tiada caj
	Kemalangan Kadar rata sebanyak RM50/ (RM80)
Kadar Penundaan Siang/Malam	RM60 /(RM90) untuk 10km pertama & RM2 (RM3) untuk setiap kilometer yang berikutnya dari premis ke lokasi kenderaan berkenaan, ke destinasi dan balik ke premis
	Kemalangan RM1.50 (RM2) untuk setiap kilometer dari premis ke lokasi kenderaan berkenaan, ke destinasi dan balik ke premis
Caj Servis Kecil Siang/(Malam)	Tiada caj

Keterangan:

'Siang' dari 7.01 pagi hingga 12.00 pagi

'Malam' dari 12.01 pagi hingga 7.00 pagi

'Zon Bebas Kerosakan' termasuk Lembah Klang, Bandar-Bandar Besar-Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Seremban, Melaka, Kuantan, Terengganu, Alor Setar, Kota Kinabalu dan Kuching.

'Caj panggilan' adalah caj yang dikenakan apabila pihak ketiga menawarkan perkhidmatan menunda atau servis kerosakan kecil yang lain, untuk menerima permintaan dari menghantar kenderaan yang ditunda atau mekanik ke lokasi di mana kenderaan tidak dapat meneruskan perjalanan.

'Premis 24SEVEN' ialah lokasi atau bengkel di mana trak penunda biasanya menunggu atau direkodkan sebagai tempat menunggu.

TERMA DAN SYARAT

Bantuan kerosakan Program Toyota '24SEVEN ROAD ASSIST' Percuma

- Percuma servis menunda/atau membaik pulih kerosakan kecil di lokasi, servis tukang kunci adalah terhad kepada 6 kali dalam tempoh 12 bulan yang sah.
- Percuma servis menunda/atau membaik pulih kerosakan kecil di lokasi, tidak disediakan untuk kes kema-langan (yang mana akan di tanggung oleh polisi insurans komprehensif).

Caj penundaan boleh dituntut dari syarikat insuran sehingga amaun yang dinyatakan dalam polisi insuran pemilik kenderaan, sebarang amaun yang melebihi had bayaran akan ditanggung oleh pemilk kenderaan.

Perkara yang tidak termasuk

- Kos alat ganti atau kos petrol.
- Bayaran teksi, kos penginapan , kos panggilan telefon dan caj tol.
- Kos servis yang ditanggung oleh polisi insurans kenderaan yang mana tuntutan juga boleh dibuat.
- Kerosakan yang berlaku di jalan-jalan dalam, contohnya jalan estet (Nota: Jika kenderaan dipenuhi dengan muatan barang, pengurusan boleh dibuat di Toyota '24SEVEN Road Assist' untuk memindahkan atau membawa barang berkenaan pada caj tertentu).

Destinasi perkhidmatan menunda

- Semua kenderaan akan ditunda ke Pusat Servis Toyota melainkan anda meminta untuk ditunda ke destinasi pilihan anda, yang mana UMW Toyota Motor tidak akan bertanggungjawab terhadap kese-lamatan kenderaan anda.
- Perkhidmatan menunda untuk setiap kali kerosakan kecil akan disediakan pada keadaan:
(premis '24SEVEN' > lokasi kenderaan > destinasi > premis '24SEVEN')
Caj akan dikenakan untuk perkhidmatan yang melebihi had itu.

NOTA:

UMW Toyota Motor berhak untuk menukar sebarang terma dan syarat tanpa notis awal.

*Simpankan nombor penghubungan ini
ke dalam telefon bimbit anda.*

TOYOTA 24SEVEN ROAD ASSIST FREEPHONE

1800-888-247 atau 1800-822-247

